

Penduduk mohon ganti rugi

Kira-kira 100 kediaman terjejas akibat banjir lumpur di Taman Sri Rampai

■ HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Penghuni di kira-kira 100 kediaman terjejas banjir lumpur di Taman Sri Rampai menuntut pampasan ganti rugi kerana apa yang didakwa sebagai unsur kecuaihan daripada projek naik taraf jalan berhampiran sehingga menyebabkan kejadian berkenaan Rabu lalu.

Timbalan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Rampai, Chong Kong Ming berkata, kejadian banjir lumpur terbabit adalah yang terburuk pernah berlaku sejak 30 tahun kawasan itu didiami.

Menurutnya, longkang yang dipenuhi tanah sejak projek itu dilaksanakan menjadi punca air hujan tidak dapat mengalir dengan baik seterusnya mengakibatkan kehidupan penduduk di situ terjejas.

"Perabot dan barangan elektrik saya juga rosak. Saya kerugian kira-kira RM20,000.

"Setiap rumah alami kerugian secara puratanya sekurang-kurangnya

RM10,000. Jadi jumlah kerugian terlibat kira-kira RM1 juta," katanya.

Maneh Sharif, 59, berkata, rumahnya antara yang paling terjejas kerana terletak bersebelahan tapak projek.

Katanya, laporan polis dibuat tahun lalu berikutan limpahan air dari tebing tapak projek berkenaan.

"Kejadian kedua pada Mac lalu, dan laporan polis juga dibuat. Kali ketiga berlaku bertambah teruk sehingga air lumpur naik hingga paras lutut. Kereta, motosikal dan perkakas dalam rumah juga terjejas.

"Jadi saya menuntut ganti rugi dan mahu pihak berkenaan bertanggungjawab. Saya juga mahu jaminan keselamatan dan penyelenggaraan berterusan agar kejadian tidak berulang," katanya.

Mohon bina tembok kekal

Terdahulu, berlangsung sesi dialog bersama wakil kontraktor projek dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Ahmad Fauzi Zahari yang dihadiri kira-kira 50 penduduk Taman

“Kejadian kedua pada Mac lalu, dan laporan polis juga dibuat. Kali ketiga berlaku bertambah teruk sehingga air lumpur naik paras lutut. Kereta, motosikal dan perkakasan dalam rumah juga terjejas. Jadi saya menuntut ganti rugi dan mahu pihak berkenaan bertanggungjawab.” - Maneh



Ahmad Fauzi (dua, kiri) ketika meninjau keadaan longkang yang menjadi punca banjir lumpur.

Sri Rampai.

Ketika sesi berkenaan, penduduk mahu masalah itu diatasi dengan membersihkan longkang segera.

Isu pampasan turut dibangkitkan, bagaimanapun, difahamkan penduduk diminta menghantar laporan kepada kontraktor untuk dirujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebelum keputusan dibuat.

Penduduk juga menuntut penyelesaian jangka panjang dengan pembinaan tembok kekal dan jaminan keselamatan tebing ketika ini.

Bersih longkang

Sementara itu, Ahmad Fauzi berkata, kini kerja-kerja pembersihan



an longkang yang dipenuhi tanah giat dijalankan.

Beliau berkata, satu perjumpaan akan diatur bersama penduduk dan DBKL untuk penyelesaian beberapa isu.

"Saya minta kontraktor dan DBKL melihat apa bentuk pampasan yang boleh diberi kepada mereka yang terlibat kerana penduduk membuat laporan polis tentang kerosakan dialami," katanya.



Sebahagian penduduk yang hadir pada sesi dialog bersama wakil kontraktor dan Ahmad Fauzi.



Kerja-kerja pembersihan longkang giat dijalankan.